



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

RAMADHAN DINANTI, KEAMANAN DINIKMATI

Tarikh Dibaca:

**24 SYAABAN 1444H/
17 MAC 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذِينَ كَمَا جَاءَ إِسْلَامَ مَلِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

RAMADHAN DINANTI, KEAMANAN DINIKMATI

17 MAC 2023 / 24 SYAABAN 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

۱۸۳

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Alangkah ruginya jika kita sudah berada dalam masjid ini tetapi kita masih terleka dengan urusan dunia.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “**Ramadhan Dinanti, Keamanan Dinikmati**”.

Sebelum itu, khatib juga ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkar. Perbaikilah hubungan sesama kita dan jauhilah prasangka buruk antara satu sama lain kerana ia tidak mendatangkan keuntungan sedikit pun melainkan kebinasaan yang berpanjangan. Semoga keamanan di negara kita terus subur dan berkekalan sampai bila-bila. *Insyaa-Allah*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Lebih kurang lima hari sahaja lagi kita akan memasuki Bulan Ramadhan. Bulan yang Allah SWT sebutkan penuh dengan kelebihan dan tawaran kepada hamba-hamba-Nya yang bersungguh-sungguh mencari keredhaan dan keampunan-Nya. Bulan Ramadhan memiliki banyak kelebihan dan dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 185 yang antara lain menyatakan bahawa Bulan Ramadhan merupakan bulan diturunkan al-Quran dan terkandung kewajipan berpuasa yang tidak terdapat dalam bulan-bulan lain.

Oleh sebab itu, setiap muslim perlu bersungguh-sungguh melaksanakan setiap kewajipan dan mempersembahkan ketaatan mereka kerana di situlah kunci utama dalam mencapai keampunan dan keredhaan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bagi menghadapi Bulan Ramadhan, khatib ingin mengajak sidang Jemaah sekalian untuk kita mempersiapkan diri dengan persiapan rohani dan jasmani supaya kita dapat menempuhi ujian-ujian dalam Bulan Ramadhan dengan kuat dan sabar. Ramadhan satu-satunya bulan yang diwajibkan ke atas umatnya yang *mukallaf* untuk berpuasa selama sebulan. Kefardhuan ini jelas menuntut kesediaan mental dan fizikal umat Islam bagi memastikan ibadah puasanya itu benar-benar menjadi *asbab* kepada tercapainya darjat

takwa kepada Allah SWT. Abu Hurairah RA meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ تَفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ
وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ وَتَغْلُقُ فِيهِ مَرَدَّةُ الشَّيَاطِينِ لِلَّهِ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ

Maksudnya: “Telah datang kepadamu Bulan Ramadhan, bulan yang diberkati, Allah telah mewajibkan padamu berpuasa pada bulan itu. Dalam bulan itu dibuka pintu-pintu langit, dan ditutup pintu-pintu neraka, dan syaitan-syaitan dibelenggu. Pada bulan itu terdapat satu malam yang nilainya lebih baik dari seribu bulan”. (Sunan al-Nasa’i)

Khatib juga ingin mengingatkan sidang Jemaah sekalian untuk mempersiapkan mental dengan menanamkan rasa kecintaan dan kerinduan yang tinggi kepada kehadiran Ramadhan al-Mubarak. Dengan wujudnya rasa cinta ini, ia akan menaikkan semangat kita untuk menyambut Ramadhan dengan amal ibadah yang banyak dan terus istiqamah dengannya. Tawaran-tawaran menarik yang dijanjikan melalui al-Quran dan hadis-hadis Nabi Muhammad SAW merupakan motivasi terpenting bagi setiap umat Islam untuk melaksanakan setiap perintah dan mempersembahkan ketaatan kepada Allah SWT. Tiada tawaran dan janji yang sangat diharapkan oleh hamba-hamba-Nya melainkan tawaran dari Allah SWT jua kerana sesungguhnya Allah SWT tidak pernah memungkirkan janji-Nya.

Dalam kesempatan yang ada menjelang Ramadhan ini, kita masih lagi berpeluang untuk mengulang kaji ilmu berkaitan ibadah puasa, adab, zakat, dan sebagainya. Hadirilah majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh banyak masjid dan surau yang mengadakan kuliah ulang kaji berkaitan Ramadhan. Kemudahan teknologi semasa yang tersedia kini juga boleh kita manfaatkan untuknya dan tidak ada alasan lagi untuk kita mengelaknya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam khutbah hari ini juga, khatib ingin menyentuh tentang aspek keamanan dan keselamatan di negara kita. Keamanan sesebuah negara bergantung kepada kerjasama erat antara seluruh rakyat dan pihak berkuasa. Dalam konteks negara kita Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertanggungjawab dan diberikan mandat dalam urusan

memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan penjenayah, menangkap dan mendakwa pesalah, serta mengumpul risikan keselamatan. Tanggungjawab dan peranan ini sememangnya bertepatan dengan prinsip *Maqasid al-Syariah* yang memelihara nyawa, agama, akal, keturunan dan harta.

Pekerjaan sebagai anggota polis sebenarnya merupakan pekerjaan yang mulia kerana tugas dan tanggungjawabnya memelihara keamanan dan keselamatan awam agar kekal terpelihara. Semangat, dedikasi dan keikhlasan warga pasukan polis sepanjang menjalankan penugasan untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dengan sanggup mengetepikan kepentingan diri, demi tugas dan amanah kepada negara dapat dilihat dan dinilai oleh masyarakat.

Dalam pada itu, masyarakat juga mestilah memainkan peranan yang sama dalam membendung setiap kegiatan jenayah dan pelanggaran undang-undang daripada berlaku dengan memberikan kerjasama serta menyalurkan maklumat agar tindakan segera dapat diambil.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dengan izin Allah SWT jua dan berkat dari kerjasama seluruh lapisan masyarakat kepada PDRM, statistik menunjukkan penurunan kadar Jenayah Indeks Malaysia bagi tahun 2022. Jenayah indeks dapat dipecahkan kepada dua kategori iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Berdasarkan statistik Jenayah Indeks seluruh negara, sebanyak 50,819 kes direkodkan bagi tempoh Januari hingga Disember 2022, berbanding 52,974 kes dalam tempoh yang sama pada tahun 2021. Hal ini menunjukkan penurunan sebanyak 2,155 kes atau 4.1 peratus. *Insyallah*, kita berharap juga pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang, kadar jenayah di negara kita akan terus dapat dikurangkan.

Mengambil kesempatan bersempena Peringatan Hari Polis ke-216 yang disambut pada 25 Mac ini, bersama-samalah kita mendoakan semoga pasukan PDRM sentiasa dianugerahi rahmat dan perlindungan Allah SWT, terus diberi kecekalan dengan cabaran yang mendatang, serta berkhidmat dengan penuh integriti dan tanggungjawab demi agama, bangsa dan negara. Khatib juga berpesan kepada setiap warga PDRM untuk terus memperkasakan integriti, memantapkan penyampaian perkhidmatan dan mendukung

dasar dan usaha kerajaan dalam mengekalkan kesejahteraan masyarakat agar PDRM terus kekal relevan dan diyakini sebagai agensi ulung dan penguat kuasa utama negara.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyimpulkan khutbah kepada beberapa rumusan;

Pertama: Allah SWT menyebutkan tentang beberapa kelebihan Bulan Ramadhan dan seharusnya peluang dan tawaran ini tidak dipersia-siakan oleh setiap umat Islam dalam usaha meraih keselamatan dunia dan akhirat.

Kedua: Setiap umat Islam wajar mempersiapkan rohani dan jasmani mereka dalam menyambut Bulan Ramadhan dan menunaikan kefardhuan yang terkandung padanya.

Ketiga: Aspek keselamatan dan keamanan negara bergantung kepada kerjasama erat seluruh masyarakat dan pihak keselamatan negara seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM). Tanggungjawab dan peranan memelihara keamanan dan keselamatan negara ini sememangnya bertepatan dengan prinsip *Maqasid al-Syariah* yang memelihara nyawa, agama, akal, keturunan dan harta.

Firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

٢

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya)”. (Surah al-Maaidah ayat 2)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ

الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.